

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN
NEGERI SEMBILAN

OLEH

SYARIPAH SUHANA BINTI TUANKU JUNAIDI
SARJANA MUDA PENGURUSAN
(POLISI DAN SEKITARAN SOSIAL)

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA

JABATAN EKOLOGI SOSIAL
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA
(KUSTEM)

2005

368

1100045497



L1 97 FPE 1 2005



1100045497

Laporan akhir latihan industri di Majlis Perbandaran Seremban
Negeri Sembilan / Syaripah Suhana Tuanku Junaidi.

PERPUSTAKAAN
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU

1100045497		

Lihat sebelah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN KUSTEM

7
E
D

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI
DI MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN
(MPS)
NEGERI SEMBILAN**

Oleh

SYARIPAH SUHANA BINTI TUANKU JUNAIDI
Sarjana Muda Pengurusan
(Polisi dan Sekitaran Sosial)

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

Jabatan Ekologi Sosial
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)

2005

1100045497

PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN

Dengan ini saya **Syaripah Suhana Binti Tuanku Junaidi (UK 9143)** mengaku bahawa Laporan Industri bagi kursus SOS 4299 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan



Nama: Syaripah Suhana Binti Tuanku Junaidi

Tarikh: 18/11/05

Disahkan oleh



Penyelia KUSTEM
b/p Pengerusi Latihan Industri
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
KUSTEM

PENGHARGAAN

Assalammualaikum dan syukur ke hadrat Allah S.W.T dengan limpah dan kurnia-Nya, akhinya saya telah berjaya menamatkan Latihan Industri selama 12 minggu yang bermula dari 21 Mac hingga 11 Jun 2005 serta dapat menyiapkan Laporan Industri ini dengan sempurna dan jayanya.

Di sini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Profesor Dr. Ibrahim bin Mamat selaku Penyelia Kustem di atas segala sokongan dan dorongan yang telah diberikan sepanjang menjalani Latihan Industri serta tunjuk ajar dalam menyiapkan Laporan Latihan Industri ini. Penghargaan terima kasih yang tidak terhingga kepada pihak Majlis Perbandaran Seremban (MPS) kerana sudi menerima saya untuk menjalani Latihan Industri serta menimba ilmu dan pengalaman di organisasi tersebut.

Penghargaan seterusnya ditujukan kepada Penyelia Industri saya iaitu Puan Rosidah binti Alias selaku Pembantu Tadbir Kanan (Jabatan Pentadbiran) dan Encik Iskandar bin Ariffin selaku Penolong Setiausaha (Tadbir). Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada semua kakitangan Unit Pentadbiran di atas segala tunjuk ajar dan dorongan yang telah diberikan kepada saya. Di samping itu, terima kasih juga diucapkan kepada semua warga Majlis Perbandaran Seremban yang banyak memberi kerjasama sama ada secara langsung atau tidak langsung kepada saya sepanjang menjalani Latihan Industri ini.

Akhir sekali, ucapan penghargaan terima kasih yang tidak terhingga buat keluarga tercinta terutama kedua ibubapa saya serta adik-beradik yang turut memberikan sokongan dan dorongan semangat untuk saya menjalani Latihan Industri ini. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan yang membantu dan memberi tunjuk ajar sepanjang saya menyiapkan Laporan Latihan Industri ini.

Sekian, terima kasih.

RINGKASAN EKSEKUTIF

Latihan Industri (LI) merupakan suatu aspek yang sangat penting dalam program pengajian di Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM. Ia adalah program teras bagi kursus Sarjana Muda Pengurusan (Polisi dan Sekitaran Sosial). Melalui Latihan Industri, pelajar akan ditempatkan di agensi awam atau swasta di mana pelajar berpeluang untuk belajar melalui pemerhatian dan melibatkan diri secara langsung dalam suatu bidang pekerjaan.

Pada masa yang sama, pelajar juga berpeluang mempelajari aspek pentadbiran dan pengurusan organisasi sesebuah agensi itu. Di sini, pelatih telah memilih Majlis Perbandaran Seremban (MPS) sebagai tempat untuk menjalani Latihan Industri dan telah ditempatkan di Unit Pentadbiran di bawah Jabatan Pentadbiran & Personel. Penyelia pelatih di Unit Pentadbiran ialah Puan Rosidah binti Alias selaku Pembantu Tadbir Kanan (Jabatan Pentadbiran).

Pelatih menjalani Latihan Industri ini selama 12 minggu yang bermula dari 21 Mac hingga 11 Jun 2005. Tujuan Latihan Industri ini diadakan adalah untuk mendedahkan pelatih kepada alam pekerjaan yang sebenar yang bakal ditempuhi setelah bergraduat nanti.

Di samping itu, Latihan Industri ini juga memberi pendedahan kepada pelatih untuk mengaplikasikan apa yang dipelajari di universiti di organisasi tersebut. Pelatih juga turut didedahkan dengan selok-belok dalam urusan pentadbiran yang berkaitan dengan sistem pengurusan, mengenalpasti sistem sedia ada dan permasalahan di samping mengemukakan cadangan penyelesaian bagi masalah yang dihadapi oleh organisasi tersebut.

Selain itu, Latihan Industri ini memperlihatkan sejauhmana pelatih dapat berkomunikasi dengan pegawai, pekerja serta pihak pelanggan organisasi di mana pelatih menjalani Latihan Industri. Di samping itu, pelatih dapat banyak pengalaman serta kemahiran dalam berorganisasi sepanjang menjalani Latihan Industri ini.